

## BAB 111


### KAEADAH PENYELIDIKAN

#### **3.0 Pendahuluan**

Bab ini akan menghuraikan kaedah penyelidikan yang digunakan bagi mengumpul data kajian. Penyelidikan dijalankan dengan kerjasama dan bantuan Pengetua dan guru-guru Bahasa Melayu di sebuah sekolah menengah. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini berada pada permulaan semester pertama sesi 1998. Penyelidikan yang berbentuk eksperimen ini memakan masa selama dua minggu.

#### **3.1 Kaedah**

Penyelidikan ini menggunakan kaedah eksperimen yang berasaskan reka bentuk berikut:



Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan pengajaran berfokuskan tatacerita terhadap pemahaman pembaca mahir dan kurang mahir. Subjek akan menjalani ujian pra dan ujian post selepas 11 hari rawatan dijalankan.

### 3.2 Subjek

Subjek di dalam kajian adalah terdiri daripada 44 orang pelajar dari sebuah kelas Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Choh, Rawang, Selangor Darul Ehsan. Daripada 44 orang pelajar yang dijadikan subjek kajian, 22 adalah dalam kumpulan pelajar mahir, sementara yang selebih 22 orang adalah dalam kumpulan pelajar kurang mahir.

Pembahagian subjek kepada dua kumpulan berdasarkan kepada laporan keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun 1997 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Ujian kloz dan dengan merujuk pihak sekolah terutamanya guru Bahasa Melayu kelas tersebut. Kerjasama dan bantuan guru tersebut penting dalam mengesahkan keesahan penempatan pelajar dalam dua kumpulan yang berkenaan. Alasan mengapa subjek dibahagikan kepada dua kumpulan adalah untuk menentukan perbezaan dari segi kuantiti yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan pelajar tersebut.

### 3.3 Instrumen

Di dalam kajian ini penyelidik akan menggunakan dua teks prosa klasik; Hikayat Siti Zubaidah dan Hikayat Malim Deman. Judul teks prosa klasik ini adalah antara bahan bacaan sastera yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk pelajar-pelajar sekolah menengah. Kedua-dua teks ini mengisahkan penggembalaan putera raja zaman dahulu kala. Semasa penggembalaan berlakulah perkara-perkara yang luar biasa yang menjadikan teks ini nampak begitu kompleks.

Ujian Pra diberikan kepada kedua-dua kumpulan; kumpulan pelajar mahir dan pelajar kurang mahir. Ujian Pra ini diadakan sebelum eksperimen dijalankan. Tujuan diadakan Ujian Pra adalah untuk menilai kebolehan pelajar memahami teks prosa klasik sebelum eksperimen dijalankan. Potongan Hikayat Siti Zubaidah digunakan semasa ujian. Subjek dikehendaki menceritakan semula cerita Hikayat Siti Zubaidah yang dibaca dengan menulis ringkasannya.

Selain itu, Hikayat Siti Zubaidah turut digunakan semasa penyelidik menjalankan rawatan. Dengan menggunakan teks ini penyelidik menerangkan tentang unit-unit tatacerita untuk membantu mereka memahami teks.

Selepas menjalani pengajaran yang berfokuskan tatacerita selama sebelas hari, ujian post diadakan pula. Ujian ini berdasarkan Bab 1 dan Bab 6 dari teks Hikayat Malim Deman yang dibaca di dalam kelas. Proses ini memakan masa selama empat puluh lima minit. Setelah itu subjek dikehendaki mengingat semula kisah yang terdapat dalam teks Hikayat Malim Deman . Tujuan ujian post adalah

untuk melihat pencapaian pelajar dalam memahami teks prosa klasik setelah eksperimen dijalankan. Setiap pelajar diarah untuk menulis ringkasan cerita Hikayat Malim Deman.

### **3.4 Prosedur**

Kajian ini mengambil masa selama dua minggu secara intensif. Penyelidik sendiri terlibat mengajar subjek. Malah, ringkasan tentang apa yang diingat semula oleh subjek akan dinilai sendiri oleh penyelidik berdasar jumlah cerita yang diingat semula oleh subjek. Penyelidik akan menggunakan pengajaran berfokuskan tatacerita dalam membimbing pelajar memahami teks prosa klasik.

Jadual aktiviti sepanjang masa penyelidikan dijalankan adalah seperti berikut:

#### **JADUAL AKTIVITI PENYELIDIKAN**

| Bilangan hari | Aktiviti   |
|---------------|--|
| 1             | Mengadakan ujian kloz dan pembahagian subjek kepada kumpulan pembaca mahir dan kurang mahir.         |
| 2             | Mengadakan ujian pra   |
| 3-13          | Menarik perhatian pelajar kepada prosa klasik yang merupakan warisan sastera Melayu. Meminta pelajar |

|    |   |
|----|---|
| 14 | <p>menamakan judul-judul prosa klasik yang diketahui. Memperkenalkan dan menerangkan maksud umum unit-unit tatacerita yang terdapat dalam teks naratif. Penerangan lebih lanjut tentang unit-unit tatacerita berdasarkan contoh-contoh dalam Hikayat Siti Zubaidah.</p> <p>Membaca Hikayat Malim Deman dan mengadakan Ujian Post.</p> |
|----|---|

Pada hari pertama penyelidikan, penyelidik dengan kerjasama guru tingkatan mencatatkan gred yang diperoleh oleh setiap subjek dalam mata pelajaran Bahasa Melayu semasa peperiksaan Penilaian Menengah Rendah 1997. Selepas itu penyelidik memulakan pertemuan dengan subjek di kelas mereka. Pada masa ini penyelidik menerangkan kepada subjek bahawa mereka terlibat dalam penyelidikan yang ingin melihat sejauhmana mereka memahami teks prosa klasik yang dibaca. Semasa penyelidikan dijalankan mereka diminta memberi kerjasama atas segala arahan yang diberikan. Penyelidik kemudiannya mengadakan ujian kloz. Berdasarkan keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan ujian kloz, penyelidik membahagikan subjek kepada kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir. Bagi memastikan pembahagian ini sah, penyelidik merujuk kepada guru Bahasa Melayu yang mengajar kelas tersebut.

Keesokan harinya, ujian pra diadakan. Tujuan diadakan ujian pra ini adalah untuk melihat kebolehan subjek dalam memahami teks prosa klasik yang dibaca. Subjek diberi potongan teks Hikayat Siti Zubaidah. Mereka diarahkan untuk membacanya selama 30 minit. Setelah itu petikan tersebut dikutip semula. Subjek dikehendaki mengingat semula petikan yang dibaca sebentar tadi dengan membuat ringkasannya. Penyelidik akan menilai apa yang diingat oleh subjek berdasarkan ringkasan cerita yang dihasilkan.

Berpandukan kepada penilaian yang dibuat oleh penyelidik terhadap ringkasan yang dibuat oleh subjek, penyelidik menerangkan tentang struktur makro yang terdapat dalam teks naratif dan seterusnya mengaitkan dengan teks prosa klasik. Penerangan ini dilakukan pada hari ketiga. Unit-unit tatacerita yang tedapat dalam prosa klasik diterangkan maksudnya secara terperinci.

Pada hari keempat dan seterusnya hari ketiga belas pengajaran tertumpu kepada penerangan tentang cerita Hikayat Siti Zubaidah. Penyelidik menunjukkan elemen-elemen tatacerita yang terdapat dalam hikayat tersebut. Setelah subjek didedahkan dengan elemen-elemen tatacerita penyelidik memberi latihan kepada mereka untuk mengenalpasti sendiri elemen-elemen yang terdapat dalam Hikayat Siti Zubaidah. Berikutnya mereka disuruh untuk menulis cerita yang terdapat dalam Hikayat Siti Zubaidah sebagai menguji sejauhmana mereka memahami elemen-elemen yang terdapat dalam hikayat tersebut dan menggunakannya untuk mengingat semula cerita yang dibaca.

Pada hari terakhir iaitu hari keempat belas, subjek dikehendaki membaca enam bab daripada Hikayat Malim Deman. Subjek diberi masa selama

45 minit untuk membacanya. Setelah itu mereka disuruh menulis semula cerita yang telah mereka baca. Tujuannya adalah untuk melihat keberkesanan pengajaran berfokuskan tatacerita dalam memahami teks prosa klasik yang dibaca.

### **3.5 Analisis Data**

Data-data yang diperoleh daripada setiap ringkasan yang dihasilkan oleh subjek dikumpulkan dalam Kolumn Besar Kuantiti Yang Diingat Semula oleh Pembaca Mahir dan Kurang Mahir. Daripada data-data tersebut, penganalisisan dibuat berdasarkan kepada soalan-soalan kajian

Analisis data telah dibuat berdasarkan peratus jumlah cerita, jumlah unit tatacerita dan jumlah episod yang diingat semula oleh subjek bagi setiap ringkasan yang dihasilkan. Bagi mencari peratusan kuantiti cerita yang diingat semula formula di bawah digunakan:

$$\frac{\text{Jumlah cerita yang diperoleh pembaca mahir/pembaca kurang mahir}}{\text{Jumlah cerita sepatutnya diperoleh pembaca mahir/pembaca kurang mahir}} \times 100$$

$$\frac{\text{Jumlah cerita sepatutnya diperoleh pembaca mahir/pembaca kurang mahir}}{\text{Jumlah cerita sepatutnya diperoleh pembaca mahir/pembaca kurang mahir}} \times 100$$

Prosedur berikut dijalankan untuk mencari peratus unit tatacerita yang diingat semula oleh pembaca mahir dan kurang mahir:

$$\frac{\text{Jumlah setiap unit tatacerita yang diingat oleh pembaca mahir/kurang mahir}}{\text{Jumlah setiap unit tatacerita yang sepatutnya diingat oleh pembaca mahir/kurang mahir}} \times 100$$

Bagi mencari peratus episod yang diingat oleh pembaca mahir dan kurang mahir formula berikut digunakan:

$$\frac{\text{Jumlah setiap episod yang diingat oleh pembaca mahir/kurang mahir}}{\text{Jumlah setiap episod yang sepatutnya diingat oleh pembaca mahir/kurang mahir}} \times 100$$